

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 18.5.2016

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah benar seperti yang dilaporkan bahawa sesetengah pegawai dalam Lembaga Peperiksaan sengaja menurunkan gred keputusan kertas Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM. Oleh sebab itu, hanya beberapa pelajar yang mendapat gred A dalam peperiksaan SPM. Adakah keputusan kertas Bahasa Cina paling teruk antara semua subjek dalam peperiksaan SPM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dakwaan yang mengatakan bahawa terdapat pegawai dalam Lembaga Peperiksaan sengaja menurunkan gred keputusan kertas Bahasa Cina dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah tidak benar. Keputusan peperiksaan kertas Bahasa Cina dilaporkan berdasarkan pencapaian calon dan prestasi mata pelajaran tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penentuan standard telah digunakan dengan meluas di seluruh dunia untuk menentukan tahap kompetensi calon peperiksaan. Justeru, KPM menggunakan kaedah penentuan standard dengan mengambil kira reka bentuk

instrumen pencapaian calon, pencapaian prestasi mata pelajaran calon serta berpandukan trend pencapaian tahun-tahun yang lepas. Penentuan markah sempadan dan juga gred peperiksaan adalah mengikut garis panduan dan prosedur yang ditetapkan serta diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Setiap mesyuarat penentuan standard turut melibatkan pakar-pakar pentaksiran dalam dan luar negara serta keputusan dibuat berdasarkan pertimbangan profesional dan bukti empirikal. Indeks Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) digunakan bagi menunjukkan prestasi semua mata pelajaran dengan nilai GPMP yang lebih kecil menunjukkan prestasi sesuatu mata pelajaran adalah lebih baik.

KPM mendapati kertas Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM 2015 bukan merupakan mata pelajaran yang paling menurun pencapaiannya. Ini kerana peningkatan indeks GPMP mata pelajaran tersebut hanyalah 0.24 mata kepada 4.75 pada tahun 2015 berbanding 4.51 mata pada tahun 2014 dan adalah tidak signifikan. Analisis keputusan SPM 2015 juga mendapati terdapat mata pelajaran lain yang menunjukkan penurunan prestasi lebih besar daripada mata pelajaran Bahasa Cina dengan peningkatan indeks GPMP sebanyak 0.76 mata. Sehubungan itu, penurunan pencapaian mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM 2015 tidak memberi pengertian bahawa berlaku kelemahan ketara dalam mata pelajaran tersebut secara keseluruhannya.